



WARGA asing cuba melarikan diri daripada ditahan.



SERAMAI 202 warga asing diperiksa dalam serbuan selama tiga jam di kawasan tanah terlarang di Cyberjaya, malam kelmarin.

Cyberjaya

Seramai 156 warga asing ditahan dalam operasi bersepadu di sebuah 'perkampungan' rumah kongsi

Siap ada kedai kopi

Imigresen tahan 156 warga asing tiada dokumen perjalanan sah



dilengkapi elektrik dan air yang dicuri di kawasan tanah terlarang di Cyberjaya, malam kelmarin.

Ketua Pengarah Imigresen

“Penempatan ini berpotensi menjadi punca penularan Covid-19”
Khairul

Datuk Khairul Dzaimee Daud berkata, dalam serbuan selama tiga jam bermula kira-kira 11 malam itu, seramai 202 warga asing diperiksa termasuk 12 wanita berusia lingkungan 23 hingga 50 tahun dan dua kanak-kanak berusia bawah empat tahun yang terdiri daripada warga Indonesia, Myanmar, Pakistan, Bangladesh, Pakistan dan India.

Beliau berkata, mereka yang ditahan kerana kesalahan tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah

dan dibawa ke pusat saringan Jabatan Imigresen Malaysia di Putrajaya untuk tindakan lanjut.

Katanya, serbuan ke atas penempatan haram yang turut mempunyai kedai kopi dan gunting rambut itu dijalankan dengan kerjasama pasukan Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Tenaga Kerja, hasil risikan selama tiga bulan.

“Penempatan ini berpotensi menjadi punca pen-

ularan Covid-19 kerana tiada pematuhan prosedur operasi standard Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti penjarakan fizikal dan melakukan aktiviti berkumpul,” katanya dalam sidang media selepas operasi berkenaan di sini, pagi semalam.

Dalam perkembangan lain, Khairul Dzaimee menafikan dakwaan bahawa pihaknya hanya mengambil tindakan terhadap pendatang tanpa izin namun tidak menahan atau mendakwa

majikan di mahkamah.

“Dakwaan ini tidak benar kerana pada 2019, sebanyak 1,052 majikan yang sudah kita hadapkan ke mahkamah atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen dengan jumlah denda RM19.3 juta,” katanya.

Beliau berkata, pada tahun lepas, 519 majikan dituduh di mahkamah atas pelbagai kesalahan dengan jumlah denda bernilai lebih RM10 juta.

Sementara pada tahun ini, setakat bulan lepas, Khairul Dzaimee berkata 130 majikan didakwa dengan denda dikenakan berjumlah RM3.2 juta.

